

KEDAH KEMBALI KE PANGKUAN PH

Datuk Seri Mukhriz kembali menajadi
Kedah pada PRU-14 lalu.

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) telah mengejutkan banyak pihak. Buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia, Barisan Nasional (BN) telah mengalami kekalahan yang paling teruk. BN hanya memenangi 79 kerusi Parlimen daripada keseluruhan 222 kerusi. Hal ini menyebabkan BN tidak dapat menubuhkan kerajaan. Sebaliknya, Pakatan Harapan (PH) telah menguasai 122 kerusi. Jumlah ini termasuk daripada gabungan parti pembangkang Semenanjung dan Sabah, serta seorang calon BEBAS yang menyokong PH. Banyak tokoh terkemuka pada peringkat nasional telah mengalami kekalahan. Kubu terakhir BN dan negeri kelahiran UMNO, iaitu negeri Johor juga telah dikuasai oleh gabungan parti pembangkang di bawah

simbol Parti Keadilan Rakyat (PKR). Tidak hanya Johor, PH juga menguasai negeri lainnya, iaitu Negeri Sembilan, Melaka dan tidak terkecuali di Semenanjung utara Malaysia, iaitu Kedah Darul Aman.

Sememangnya Kedah yang sinonim sebagai negeri jelapang padi merupakan sebuah negeri yang telah melahirkan dua Perdana Menteri Malaysia, iaitu perdana menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dan perdana menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad. Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang diketuai oleh Dr. Mahathir turut dipimpin oleh anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Meskipun pada awalnya BN Kedah menjangkakan dapat mempertahankan Kedah, namun gelombang tsunami rakyat Malaysia telah menjatuhkan Kerajaan BN Kedah buat kali kedua. Sebelum ini, pada PRU-12, BN telah mengalami kekalahan kepada PAS. Namun, pada PRU-13, BN telah berjaya merampas kembali Kedah daripada PAS. Jadi kekalahan kali kedua ini sememangnya tidak dijangka oleh BN Kedah. Sebelum

PRU-14, dilaporkan oleh media arus perdana bahawa BN tetap kukuh untuk mempertahankan Kedah meskipun selepas penyingkiran Datuk Seri Mukhriz sebagai Menteri Besar Kedah. Malah, beliau dan Tan Sri Muhyiddin Yassin juga telah dipecat daripada UMNO.

Semasa PRU-13, BN telah menawan Kedah daripada PAS dengan menguasai 21 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) daripada 36 keseluruhan DUN. Seterusnya, PAS telah memenangi sembilan kerusi, PKR empat kerusi dan DAP menguasai dua kerusi. Bagi kerusi Parlimen pula, pada PRU tersebut, BN telah berjaya menawan 10 kerusi, PKR empat kerusi dan hanya satu kerusi Parlimen dikuasai oleh PAS. Kedudukan kerusi di bawah DUN Kedah dan Parlimen telah berubah setelah penubuhan PPBM dan Parti Amanah Negara (AMANAH). Tiga wakil rakyat PAS yang melibatkan dua ADUN dan ahli Parlimen Pokok Sena, iaitu Datuk Mahfuz Omar telah keluar parti dan memasuki AMANAH dan PPBM. Secara khususnya, dua wakil PAS termasuklah Datuk Mahfuz Omar telah memasuki AMANAH, manakala seorang daripadanya telah memasuki PPBM.

Selain itu, ekoran penyingkiran Mukhriz daripada jawatan Menteri Besar Kedah dan pemecatan beliau daripada UMNO, maka jumlah kerusi BN di DUN Kedah berkurangan daripada 21 kerusi kepada 20 kerusi. Seterusnya, kedudukan kerusi parti-parti pembangkang ketika itu telah berubah kepada tujuh kerusi dikuasai PAS, diikuti empat kerusi PKR, dua kerusi masing-masing bagi

PPBM dan satu kerusi AMANAH. Bagi kerusi Parlimen pula, hanya satu kerusi yang dikuasai oleh PAS pada PRU-13 telah berubah tangan kepada PAN. Kerusi-kerusi Parlimen yang lain di Kedah tetap kekal di bawah BN dan PKR sehingga Parlimen dibubarkan pada 7 April yang lalu.

Sejak tarikh Parlimen dibubarkan sehingga berlangsungnya PRU-14, keadaan di Kedah cukup aman tanpa kelihatan sebarang bantahan senyap. Tidak nampak sebarang tanda-tanda gelora besar kecuali dengan tertubuhnya PPBM yang diketuai oleh Dr. Mahathir yang telah memimpin Malaysia selama 22 tahun. Tertubuhnya PPBM telah menjejaskan kekuatan UMNO di Kedah. Tidak keterlaluan juga, penyingkiran Datuk Seri Mukhriz daripada jawatan Menteri Besar Kedah dan pemecatannya sebagai ahli UMNO telah mengocakkan lagi gelora politik di Kedah.

Faktor Mukhriz sukar dinafikan ekoran pengumuman beliau akan dilantik sebagai Menteri Besar Kedah jika BN memenangi PRU-13 pada tahun 2013 telah menarik perhatian rakyat Kedah untuk menyokong kembali UMNO dan BN. Dua parti terbesar Melayu Islam, UMNO dan PAS saling bertarung sesama sendiri setiap kali PRU. Kedua-dua parti ini memiliki kekuatannya tersendiri. Politik di Kedah banyak bergantung pada tradisi kekeluargaan memandangkan Kedah merupakan sebuah negeri Melayu tradisional.

Hal ini dibuktikan lagi dengan 75.68 peratus daripada keseluruhan penduduk Kedah ialah kaum Melayu Bumiputera. Seterusnya, jumlah kaum Cina hanyalah 12.29 peratus, manakala penduduk kaum India dan lain-lain hanyalah 6.69 peratus dan 0.96 peratus masing-masing. Maka, tidak menghairankan terdapatnya calon-calon PRU terdiri daripada saudara-mara bekas ADUN dan ahli Parlimen serta pemimpin politik di negeri Kedah. Meskipun dengan kekuatan PKR dan DAP yang menguasai kawasan bandar di Kedah, namun UMNO dan PAS menguasai Kedah secara keseluruhannya sebelum PRU-14.

Setelah tertubuhnya AMANAH, kebanyakan ahli PAS telah keluar parti dan memasuki AMANAH. Tidak terkecuali, banyak ahli UMNO di Kedah berpaling kepada PPBM. Tambahan lagi, penduduk Kedah amat dekat dengan Tun Dr. Mahathir yang berasal dari Alor Setar, maka tradisi menyokong pemimpin utama Kedah yang begitu sinonim dengan negeri tersebut telah meningkatkan lagi gelora melalui bantahan secara senyap



penduduk Kedah. Rakyat Kedah tidak dapat melupakan jasa beliau yang banyak membangunkan Kedah.

Faktor 22 tahun sebagai pemimpin utama negara cukup membuktikan beliau sebagai pemimpin yang amat dihormati oleh penduduk Kedah. Malah, ketika era reformasi yang bermula pada tahun 1998 pun Kedah masih kekal di bawah BN setelah berakhirnya PRU-10 pada tahun 1999. Hal ini menggambarkan aura kepemimpinan Tun Dr. Mahathir yang tidak dapat ditolak lagi ekoran tsunami politik di Kedah yang berlaku semasa PRU-14. Hal ini disokong pula oleh isu-isu nasional yang dimainkan oleh PH sebelum PRU-14 berlangsung. Isu-isu tersebut termasuklah isu Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP) dan kos sara hidup rakyat yang semakin menekan kehidupan mereka. CBP yang diperkenalkan pada 1 April 2015 menjadi isu terpenting yang ditekankan dalam manifesto PH.

Sememangnya isu CBP yang dianggap meningkatkan kos sara hidup rakyat Malaysia amat dekat di hati rakyat. Meskipun Kerajaan BN pada ketika itu cuba memberikan penjelasan tentang isu CBP, namun rakyat tidak dapat menerimanya ekoran kenaikan kos sara hidup yang dikatakan terlalu tinggi sehingga menghimpit kehidupan mereka. Semasa PRU-14, PH telah berjanji melalui manifestonya untuk menghapuskan CBP. Hal ini telah menarik perhatian bukan sahaja penduduk Kedah, malah buat rakyat Malaysia untuk beralih kepada PH berbanding untuk mengekalkan BN.

Atas faktor-faktor inilah, maka keputusan PRU-14 menunjukkan bahawa BN hanya mampu mengekalkan

tiga DUN dan dua kerusi Parlimen di Kedah. Secara khususnya, BN dapat mengekalkan DUN Sungai Tiang, Guar Cempedak dan Bandar Baharu. Seterusnya, bagi kerusi Parlimen pula, BN telah berjaya mengekalkan Parlimen Padang Terap dan Baling. PAS pula telah berjaya menawan 15 DUN dan tiga Parlimen, manakala, PH telah berjaya menawan 18 DUN dan 10 Parlimen. Jumlah ini menggambarkan peralihan besar pengundi di negeri Kedah yang secara keseluruhannya sekitar 1.1 juta orang. Malah, Tun Dr. Mahathir sendiri telah berjaya menawan Parlimen Langkawi, seterusnya dilantik menjadi Perdana Menteri Malaysia yang ketujuh pada tanggal 10 Mei 2018. Sebaliknya, bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah telah mengalami kekalahan di DUN Suka Menanti. Kekalahan beliau menandakan berakhirnya tempoh perkhidmatan beliau sebagai Menteri Besar Kedah setelah mengambil alih jawatan tersebut daripada Datuk Seri Mukhriz.

Kekalahan BN Kedah menggambarkan tsunami pengundi Malaysia pada PRU-14 memandangkan di negeri inilah bermulanya kekuatan PH yang diketuai oleh Tun Dr. Mahathir yang akhirnya menyaksikan Datuk Seri Mukhriz kembali mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Kedah yang baharu selepas pada mulanya kedudukan DUN Kedah tergantung, ekoran tiada parti yang mampu menubuhkan Kerajaan Negeri Kedah. Keadaan ini berlaku kerana kedudukan kerusi DUN ialah 18 untuk PH, 15 PAS dan tiga bagi BN. Namun begitu, selepas PAS memutuskan untuk tidak bekerjasama dengan BN, akhirnya PH berjaya menawan Kedah sepenuhnya. **DM**